

PENGARUH AMALAN PEMBELAJARAN
PROFESIONAL TERHADAP KEPIMPINAN
GURU-GURU KOLEJ VOKASIONAL
DI PERAK

WAN AMEERA FARHAH BINTI WAN AZAHARI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



**PENGARUH AMALAN PEMBELAJARAN PROFESIONAL TERHADAP
KEPIMPINAN GURU-GURU KOLEJ VOKASIONAL
DI PERAK**

WAN AMEERA FARHAH BINTI WAN AZAHARI



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGURUSAN
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019





PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNYA tesis ini dapat disempurnakan dalam jangka waktu yang ditetapkan.

Tesis ini tidak akan dapat disiapkan tanpa kerjasama dan bantuan daripada mereka yang sanggup memberi nasihat, bimbingan serta tunjuk ajar kepada saya. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Dr Mahaliza Mansor kerana sentiasa bersedia untuk memberi bimbingan dan panduan serta kata-kata semangat apabila diperlukan, memberi tunjuk ajar apabila kesilapan dilakukan, sentiasa mudah didekati dan sangat mudah dibawa berbincang. Sesungguhnya beliau seorang yang perihatin, peka dan teliti dalam memberi komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas sebagai penyelia.

Bagi tujuan perolehan data, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada guru-guru kolej vokasional di negeri Perak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung atas kerjasama yang diberikan sepanjang kutipan data kajian dilakukan. Tanpa kerjasama mereka pasti maklumat yang diperlukan tidak akan diperolehi. Sesungguhnya segala sumbangan dan kerjasama yang diberikan amat dihargai.

Ucapan terima kasih juga diberikan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi kerana telah menaja pengajian Ijazah Sarjana saya selama ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada sahabat saya iaitu Pn Azimun, Nurul Ashikin, Izzati, Fariha, Mohammad Nazirul Kamil, Nurfatin dan Mazliana kerana telah banyak memberi kerjasama serta membantu mendapatkan data dan maklumat yang diperlukan. Sesungguhnya jasa baik kalian amat dihargai dan sentiasa dikenang.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada suami serta ibu bapa saya yang merestui dan meredhai saya meneruskan perjuangan dalam pencarian ilmu, sentiasa memberi dorongan, semangat dan sokongan kepada saya tanpa henti. Terima kasih untuk segalanya.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh amalan pembelajaran profesional terhadap kepimpinan guru kolej vokasional di negeri Perak. Pendekatan kuantitatif reka bentuk deskriptif korelasi telah digunakan dalam kajian ini. Sampel terdiri daripada 278 orang guru yang dipilih secara rawak mudah dari 10 buah kolej vokasional di negeri Perak. Data dianalisis menggunakan min, korelasi Pearson dan regresi pelbagai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan pembelajaran profesional ($\text{min} = 3.89$, $\text{SP} = .39$) adalah pada tahap tinggi manakala kepimpinan guru ($\text{min} = 4.16$, $\text{SP} = .33$) pada tahap yang sangat tinggi. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang kuat antara amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru ($r = .51$, $p = .01$). Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pemboleh ubah amalan pembelajaran profesional pertama iaitu pembangunan portfolio ($\beta = .36$, $p < .05$) merupakan pengaruh utama terhadap kepimpinan guru diikuti dengan latihan ($\beta = .22$, $p < .05$), pembelajaran arahan sendiri ($\beta = .18$, $p < .05$) dan *lesson study* ($\beta = .11$, $p < .05$). Kesimpulannya, amalan pembelajaran profesional iaitu portfolio, latihan, pembelajaran arahan sendiri dan *lesson study* mempengaruhi kepimpinan guru kolej vokasional di negeri Perak. Implikasi kajian ini menunjukkan amalan pembelajaran profesional dapat meningkatkan kepimpinan guru di kolej vokasional.





THE INFLUENCE OF PROFESIONAL LEARNING PRACTICES TOWARD TEACHERS' LEADERSHIP OF VOCATIONAL COLLEGE IN PERAK

ABSTRACT



This study aimed to identify the influence of professional learning practices toward teachers' leadership of vocational college in Perak. Quantitative descriptive correlational approach was used in this study. The sample consisted of 278 randomly selected teachers from 10 vocational college in Perak. Data was analyzed using mean, Pearson correlation and multiple regression. The results showed that the level of professional learning practices (mean = 3.89, SD = .39) were at a high level while teacher leadership (mean = 4.16, SD = .33) at a very high level. Pearson correlation analysis showed that there was a strong significant relationship between professional learning practices and teacher leadership ($r = .51, p = .01$). The findings of the study also indicated that the first variable of professional learning practices, namely portfolio development ($\beta = .36, p < .05$) was the main influence toward teachers' leadership followed by training ($\beta = .22, p < .05$), self-directed learning ($\beta = .18, p < .05$) and lesson study ($\beta = .11, p < .05$). In conclusion, professional learning practices such as portfolio, training, self-directed learning and lesson study influenced the teachers' leadership of vocational college in Perak. The implication of this study showed that professional learning practices can enhance the teacher leadership in vocational colleges.



**KANDUNGAN****Muka
Surat****PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

ii

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS

iii

PENGHARGAAN

iv

ABSTRAK

v

ABSTRACT

vi

KANDUNGAN

vii

**SENARAI JADUAL**

xiii

SENARAI RAJAH

xvi

SENARAI SINGKATAN

xvii

SENARAI LAMPIRAN

xviii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

1

1.2 Latar Belakang Kajian

4

1.3 Penyataan Masalah

8

1.4 Objektif Kajian

14

1.5 Persoalan Kajian

15

1.6 Hipotesis Kajian

16

1.7 Kerangka Teori Kajian

17





1.8	Kerangka Konseptual Kajian	20
1.9	Signifikan Kajian	24
1.10	Batasan Kajian	26
1.11	Definisi Operasional Kajian	
1.11.1	Amalan Pembelajaran Profesional	28
1.11.2	Pembelajaran Arahan Kendiri	28
1.11.3	Pembangunan Portfolio	29
1.11.4	Latihan	30
1.11.5	Kumpulan Pembelajaran	30
1.11.6	Pencerapan dan Pentaksiran Pengajaran	31
1.11.7	<i>Lesson Study</i>	32
1.11.8	Kepimpinan Guru	32
1.11.9	Kesedaran Diri (<i>Self-Awareness</i>)	33
1.11.10	Memimpin Perubahan (<i>Leading Change</i>)	33
1.11.11	Komunikasi (<i>Communication</i>)	33
1.11.12	Kepelbagaian (<i>Diversity</i>)	34
1.11.13	Kecekapan Instruksional dan Kepimpinan (<i>Instructional Proficiency and Leadership</i>)	34
1.11.14	Penambahbaikan Berterusan (<i>Continuous Improvement</i>)	35
1.11.15	Pengurusan Kendiri (<i>Self-organization</i>)	35
1.11.16	Kolej Vokasional	35
1.11.17	Guru	36
1.12	Kesimpulan	37





BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	38
2.2	Amalan Pembelajaran Profesional	39
2.2.1	Amalan Pembelajaran Sparks & Louck-Horsley (1990)	42
2.2.2	Amalan Pembelajaran Profesional Guskey (2000)	43
2.2.3	Amalan Pembelajaran Profesional Robert & Pruitt (2009)	45
2.3	Pembangunan Portfolio	47
2.4	Kumpulan Pembelajaran	50
2.5	Pembelajaran Arahan Kendiri	52
2.6	Latihan	54
2.7	Pencerapan dan Pentaksiran Pengajaran	56
2.8	<i>Lesson Study</i>	60
2.9	Kepimpinan Guru	63
2.9.1	Model Kepimpinan Guru York-Barr dan Duke (2004)	67
2.9.2	Model Kepimpinan Fairman dan Mackenzie (2012)	68
2.9.3	Model Katzenmeyer dan Moller (2009)	74
2.10	Teori Pembelajaran Dewasa	76
2.11	Kajian Lepas	81
2.12	Kesimpulan	86





BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	87
3.2	Reka Bentuk Kajian	88
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	90
3.4	Instrumen kajian	93
3.4.1	Alat ukur Amalan Pembelajaran Profesional	95
3.4.2	Alat ukur Kepimpinan Guru	96
3.4.3	Alat ukur Demografi	98
3.5	Kajian Rintis	98
3.5.1	Kesahan Konstruk	99
3.5.2	Kebolehpercayaan	104
3.6	Kaedah Analisis Data	107
3.6.1	Analisis Deskriptif	108
3.6.1.1	Analisis Min dan Sisihan Piawai	108
3.6.2	Analisis Inferensi	109
3.6.2.1	Analisis Ujian-t	110
3.6.2.2	ANOVA	111
3.6.2.3	Korelasi Pearson	112
3.6.2.4	Regresi Pelbagai	113
3.7	Kesimpulan	116



**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	117
4.2	Analisis Deskriptif	118
4.2.1	Profil Responden Kajian	119
4.2.2	Analisis Data Deskriptif	121
4.2.3	Pengesahan Kepelembagaan dan Kestabilan Pemboleh Ubah Kajian	125
4.3	Analisis Inferensi	128
4.3.1	Analisis Ujian-t	128
4.3.2	Analisis Ujian ANOVA	133
4.3.3	Analisis Ujian Korelasi Pearson	143
4.3.4	Analisis Ujian Regresi Pelbagai	146
4.4	Rumusan Pengujian Hipotesis	149
4.5	Rumusan Pengujian Objektif Keseluruhan Pemboleh Ubah	151
4.6	Kesimpulan	153

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	154
5.2	Ringkasan Kajian	155
5.3	Ringkasan dan Perbincangan Dapatan Kajian	159
5.3.1	Pandangan Guru Terhadap Amalan Pembelajaran Profesional di Kolej Vokasional	160
5.3.2	Pandangan Guru Terhadap Kepimpinan Guru di Kolej Vokasional Negeri Perak	161



5.3.3	Perbezaan Pandangan Guru Berdasarkan Faktor Jantina, Kelayakan Akademik dan Pengalaman Kerja Terhadap Amalan Pembelajaran Profesional dan Kepimpinan Guru	163
5.3.4	Hubungan antara Amalan Pembelajaran Profesional dengan Kepimpinan Guru	165
5.3.5	Amalan Pembelajaran Profesional yang menjadi Peramal Signifikan Terhadap Kepimpinan Guru	166
5.4	Implikasi Kajian	168
5.4.1	Implikasi Teori	168
5.4.2	Implikasi Praktikal	173
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	175
5.6	Kesimpulan	177
	RUJUKAN	178
	LAMPIRAN	198

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Tajuk	Muka surat
2.1	Perbezaan Pendekatan Pedagogi dan Andragogi	77
3.1	Senarai Nama Kolej Vokasional, Bilangan Guru dan Bilangan Sampel Guru di Kolej Vokasional Negeri Perak	91
3.2	Amalan Pembelajaran Professional, Jumlah Soalan dan No Item Soal Selidik	96
3.3	Kepimpinan Guru, Jumlah Soalan dan No Item Soal Selidik	97
3.4	Indeks Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	100
3.5	Keputusan Total Varians Explained Amalan Pembelajaran Profesional	101
3.6	Keputusan Total Varians Explained Kepimpinan Guru	103
3.7	Kesahan Konstruk menggunakan Analisis Faktor dan Nilai Keseragaman Item	103
3.8	Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha	105
3.9	Nilai Pekali Kebolehpercayaan setiap Amalan Pembelajaran Guru	106
3.10	Nilai Pekali Kebolehpercayaan setiap Model Kepimpinan Guru	107
3.11	Garis Panduan Skor Min Elemen Pemboleh Ubah	109
3.12	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	113
3.13	Alat Ujian yang Digunakan	115





No. Jadual	Tajuk	Muka surat
4.1	Profil Responden Kajian Berdasarkan Jantina	118
4.2	Profil Responden Kajian Berdasarkan Tahap Akademik	120
4.3	Profil Responden Kajian Berdasarkan Pengalaman	121
4.4	Garis Panduan Skor Min Elemen Pemboleh Ubah	122
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Elemen Amalan Pembelajaran Profesional	123
4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Setiap Elemen Kepimpinan Guru	124
4.7	Analisis Nilai Kepencongan (<i>Skewness</i>) dan Kecerunan (<i>Kurtosis</i>) bagi Pemboleh Ubah Amalan Pembelajaran Profesional	125
4.8	Analisis Nilai Kepencongan (<i>Skewness</i>) dan Kecerunan (<i>Kurtosis</i>) bagi Pemboleh Ubah Kepimpinan Guru	126
4.9	Analisis Korelasi Pearson Pemboleh Ubah Amalan Pembelajaran dengan Kepimpinan Guru	127
4.10	Ujian-t Perbezaan Amalan Pembelajaran Profesional Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Jantina	129
4.11	Ujian-t Perbezaan Kepimpinan Guru Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Jantina	131
4.12	Rumusan Dapatan Ujian ANOVA Terhadap Amalan Pembelajaran Profesional Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Tahap Akademik	133
4.13	Rumusan Dapatan Skor Min Terhadap Amalan Pembelajaran Profesional Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Tahap Akademik	135
4.14	Rumusan Dapatan Ujian ANOVA Terhadap Amalan Pembelajaran Profesional Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	136





No. Jadual	Tajuk	Muka surat
4.15	Rumusan Dapatan Skor Min Terhadap Amalan Pembelajaran Profesional Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	138
4.16	Rumusan Dapatan Ujian ANOVA Terhadap Kepimpinan Guru Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Tahap Akademik	139
4.17	Rumusan Dapatan Skor Min Terhadap Kepimpinan Guru Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Tahap Akademik	141
4.18	Rumusan Dapatan Ujian ANOVA Terhadap Kepimpinan Guru Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	141
4.19	Rumusan Dapatan Skor Min Terhadap Kepimpinan Guru Berdasarkan Pandangan Guru Mengikut Pengalaman Mengajar	143
4.20	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	144
4.21	Hubungan antara Amalan Pembelajaran Profesional dengan Kepimpinan Guru	145
4.22	Analisis keputusan Regresi Pelbagai 'Stepwise' bagi dimensi Amalan Pembelajaran Profesional yang Menjadi Peramal Kepimpinan Guru	148
4.23	Rumusan pengujian hipotesis kajian	150
4.24	Rumusan Pengujian Objektif Kajian	151





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Tajuk	Muka surat
1.1	Kerangka Konsep Amalan Pembelajaran Profesional dengan Kepimpinan Guru	23
2.1	Model Perubahan Guru Guskey (2002)	45
2.2	Sfera Tindakan Kepimpinan Guru dalam Pembelajaran (Fairman & Mackenzie, 2012)	68



SENARAI SINGKATAN

CDP	Pembangunan Profesionalisme Secara Berterusan
CFA	Analisis Faktor Pengesahan
EFA	Analisis Faktor Eksploratori
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

Muka surat

A	Instrumen Kajian	199
B	Plot Lineariti	209
C	Analisis Ujian-t	210
D	Analisis ANOVA	212
E	Analisis Korelasi	225
F	Analisis Regresi Pelbagai	226
G	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	228

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Salah satu cabaran yang harus dihadapi oleh warga pendidik abad ke-21 adalah berhadapan dengan perubahan dalam sistem pendidikan yang semakin kompleks dan mencabar saban hari ini. Namun, perubahan yang berlaku dalam dasar pendidikan mendorong guru meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan secara berterusan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dan bertaraf dunia. Hal ini kerana pembangunan modal insan bertaraf dunia merupakan prasyarat untuk membawa Malaysia ke persaingan ekonomi abad ke-21 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013).



Sistem pendidikan latihan dan teknikal dan vokasional (TVET) mengalami perubahan secara berperingkat dalam struktur kurikulum selaras dengan perubahan keperluan dalam industri. Nadya, Rohana dan Amirmudin (2011) menyatakan bahawa guru perlu menjalani latihan di industri bagi memastikan mereka tidak ketinggalan dengan perubahan keperluan industri. Hal ini kerana pendidikan teknik dan vokasional lebih memberi fokus kepada pendidikan praktikal (amali) berbanding pendidikan teori. Menurut Zairoslawanee dan Hairuddin (2014), guru vokasional bertanggungjawab untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran secara kreatif bagi memastikan matlamat falsafah pendidikan kebangsaan tercapai. Oleh itu, ia menjadikan salah satu cabaran kepada tenaga pengajar, pihak pengurusan dan pelajar di institusi pengajian teknik dan vokasional (Nadya, Rohana & Amirmudin, 2011).



dalam sektor pendidikan. Guru perlu sentiasa meningkatkan dan membekalkan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang mencukupi seiring dengan perubahan dalam dasar dan sistem pendidikan teknik dan vokasional. Oleh itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah diperkenalkan sebagai satu inisiatif dalam mentransformasikan sistem pendidikan di Malaysia menjadi lebih baik dan bermutu (KPM 2013). Matlamat transformasi pendidikan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk melengkapkan setiap pelajar di Negara ini dengan kemahiran baharu seiring dengan keperluan dan cabaran abad ke-21 (KPM, 2013). Tambahan pula, matlamat pelan pembangunan ini juga dirancang untuk meningkatkan lagi taraf dan mutu sistem pendidikan di Malaysia seiring dengan kehendak global serta dapat bersaing dengan sistem pendidikan negara maju seperti Singapura, Korea, Finland, Hong Kong, Jepun dan China.





Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) juga dirancang untuk membangunkan sistem pendidikan baharu bukan hanya tertumpu kepada laluan akademik semata-mata, namun memberi penekanan kepada laluan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). PPPM (PT) telah menggariskan 10 anjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar di mana anjakan ke 4 telah menjelaskan mengenai keberhasilan warga pendidikan tinggi termasuk pelajar sama ada dalam laluan akademik mahupun TVET, yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Melalui anjakan ke 4 ini, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional dan Politeknik akan menyediakan pendidikan tinggi TVET kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran selaras dengan keperluan dan permintaan industri (KPM, 2013).

Selain itu, pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) berperanan penting dalam membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran serta memiliki sikap positif untuk terus maju di bawah Rancangan Malaysia ke sebelas (RMK-11) (Laporan PPPM, 2016). Dalam RMK-11 ini telah mensasarkan peningkatan modal insan berkemahiran tinggi kepada 35 peratus menjelang tahun 2020 bagi memperkasa bidang teknikal dan vokasional (Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020, 2015). Oleh itu, keperluan guru yang berkemahiran tinggi harus ditingkatkan bagi melahirkan tenaga kerja mahir yang berdaya saing dalam industri.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 juga memfokuskan kepada pembangunan profesionalisme guru berterusan untuk memastikan kualiti profesion guru sentiasa ditingkatkan. Program pembangunan profesionalisme guru memainkan peranan penting dalam melahirkan guru yang berilmu, berkemahiran dan





berkualiti. Selaras dengan kenyataan Mahaliza dan Norlia (2011) bahawa pengetahuan dan kemahiran guru boleh ditingkatkan melalui pembangunan profesional berasaskan sekolah yang berkesan. Manakala guru yang berkualiti pula dapat dilahirkan melalui amalan pembelajaran guru secara berkesan dalam melahirkan pelajar yang berkualiti (Rosnah & Muhammad Faizal, 2013). Oleh itu, kualiti guru dapat ditingkatkan dengan mengamalkan pembelajaran profesional yang efektif. Proses pembelajaran profesional juga harus dilalui oleh guru-guru sebagai bekalan untuk menjadi seorang pemimpin di sekolah.

1.2 Latar Belakang Kajian



Kajian awal dalam bidang pembangunan guru bermula pada era 1980 an (Mahaliza, 2013). Pada era ini, istilah latihan dalam perkhidmatan digunakan dalam perkembangan kajian pembangunan guru. Malah, pada era ini juga program latihan dalam perkhidmatan bukan sahaja dianggap amat penting dalam bidang pendidikan namun, ia sebagai satu strategi menentukan reformasi sekolah (Amin Senin, 2008). Program pembangunan guru merangkumi beberapa aktiviti yang dilaksanakan iaitu, perbincangan dalam kumpulan, kuliah, bertukaran idea dan pemikiran, pemerhatian, membuat demonstrasi, pemerhatian dan main peranan.

Kajian berkaitan pembangunan guru telah banyak dijalankan dan dikembangkan pada era 1990 an. Namun, kajian-kajian tersebut sering menggunakan istilah ‘pembangunan profesional’ bagi menggambarkan pembangunan guru. Rentetan itu, konsep program latihan dalam perkhidmatan telah ditransformasikan kepada





pembangunan profesional secara berterusan (Mahaliza, 2013). Pada era tahun 2000 pula, istilah ‘pembelajaran profesional’ telah digunakan oleh para sarjana dalam kajian mereka secara bersilih ganti dengan istilah ‘pembangunan guru’. Pembangunan profesional ini berkonsepkan kepada amalan pertumbuhan yang mana guru mempunyai bakat atau kemahiran yang perlu dikembangkan dan diasah (Amin Senin, 2008). Malah, berbeza pula dengan latihan dalam perkhidmatan yang hanya berkonsepkan kepada model defisit yang mana tahap kemahiran dan pengetahuan guru dianggap serba kekurangan dalam kemahiran dan pengetahuan (Mahaliza, 2013).

Perkembangan pembangunan profesional ini telah menarik minat KPM (2013) untuk meningkatkan aktiviti pembangunan profesionalisme dalam kalangan guru melalui PPPM 2013-2025. Berdasarkan Laporan PPPM 2013-2025, KPM mendapati 90 peratus guru-guru di Malaysia melibatkan diri dalam program pembangunan profesionalisme berterusan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan sendiri, bengkel di luar sekolah, aktiviti pemerhatian dan perancangan pengajaran. Selain itu, program pembangunan guru teknikal dan vokasional perlu ditingkatkan melalui pengiktirafan sijil-sijil kemahiran oleh badan-badan profesional, program latihan bersama pihak industri serta pentauliahan tenaga pengajar vokasional dengan Sijil Tenaga Pengajar Vokasional oleh Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) (Mohd Jalil, Noor Hisham & Annas, 2015). Oleh itu, program latihan menjadi salah satu aktiviti utama dalam pembelajaran profesional guru teknikal dan vokasional sebagai suatu keperluan ikhtisas bagi setiap tenaga pengajar.



Sehubungan itu, amalan pembelajaran profesional menjadi salah satu elemen yang penting dalam profesion guru di kolej vokasional. Pelaksanaan amalan pembelajaran profesional merupakan salah satu kunci kejayaan dalam meningkatkan kemahiran, pengetahuan serta kualiti pengajaran guru di kolej vokasional. Berdasarkan Laporan Tahunan PPPM 2016, amalan pembelajaran profesional guru vokasional dipertingkatkan dengan latihan kemahiran melalui pengiktirafan sijil kemahiran oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di mana dapatan menunjukkan seramai 2277 orang guru DVM berkeelayakan SKM tahap 3, 264 orang guru memiliki SKM 4 dan 241 orang guru yang memiliki SKM tahap 5 (KPM, 2017). Melalui latihan kemahiran tersebut, dapat melahirkan guru yang berkualiti dalam menguasai segala kemahiran, pengetahuan serta kepakaran (Amin Senin, 2005; Fullan, 2007) sebagai alat utama meningkatkan keberkesanan pengajaran amali di bengkel (Jamaliah 2014). Oleh itu, pembelajaran profesional amat diperlukan untuk memperbaharui dan meningkatkan kemahiran serta pengetahuan guru dari semasa ke semasa seiring keperluan guru abad ke-21.

Selain daripada kajian-kajian pembelajaran profesional, kajian mengenai kepimpinan guru juga menjadi topik hangat pada abad ini. Kepimpinan guru adalah salah satu cara efektif dalam pembaharuan pendidikan dan penambahbaikan pengajaran yang boleh dicapai secara berterusan serta pembelajaran profesional secara '*site-based*' kepada guru-guru (Poekert, 2012). Konsep kepimpinan guru telah wujud dan berkembang sejak lebih 50 tahun yang lalu (Will, 2015). Kajian-kajian yang telah dijalankan pada pertengahan 1990 an sehingga hari ini telah mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada keberkesanan sekolah adalah daripada kepimpinan yang kuat (Dinham, 2007). Peranan kepimpinan ini pada mulanya





dikenali sebagai kepimpinan melalui pengetua namun, berkembang menjadi kepimpinan bersama (Will, 2015).

Program latihan memainkan sangat penting untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan guru vokasional (Hashim, 2011). PPPM 2013-2025 juga ada menyentuh mengenai guru-guru perlu diberi latihan yang mencukupi untuk membina kepimpinan instruksional dalam diri mereka. Selain itu, Mohd Jalil, Noor Hisham dan Annas, (2015) juga menyatakan program latihan perlu dilalui oleh setiap guru teknikal dan vokasional yang melibatkan aspek kompetensi kepimpinan. Kunci kepada kepimpinan guru adalah melalui guru melibatkan diri dengan pembelajaran kolaboratif (Boles & Troen, 1994; Harris, 2003), menjadi pemangkin kepada pembelajaran guru lain (Stone, Horejs, & Lomas, 1997) dan mempunyai keupayaan untuk menggalakkan dan mempengaruhi rakan-rakan sejawat ke arah penambahbaikan amalan pendidikan (Katzenmeyer, 2009). Oleh itu, guru adalah pakar dalam sesuatu bidang (Stone, Horejs, & Lomas, 1997; Murphy, 2017), memimpin dalam dan luar bilik darjah (Katzenmenyer & Moller, 2009), memperkukuhkan amalan bilik darjah (Day & Harris, 2003) dan mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran pelajar (Danielson, 2006).

Di samping itu, kepimpinan guru juga sering dikaitkan dengan pembelajaran profesional. Ini dapat dibuktikan dengan kajian Poekert (2012) bahawa wujud hubungan kuat antara amalan pembelajaran guru dengan kepimpinan guru kerana pembelajaran profesional merupakan penyebab kepada kepimpinan guru di sekolah. Ini disokong oleh Yendol-Hoppey dan Dana (2010) di mana pembelajaran profesional amat diperlukan untuk menghasilkan guru sebagai seorang pemimpin. Selain itu,





pembelajaran profesional merupakan dorongan untuk profesionalisme pengajaran dan peningkatan kemahiran kepimpinan guru ke arah mempengaruhi dan meningkatkan amalan rakan sejawat (Murphy, 2005). Oleh itu, guru perlu terus belajar dan mengembangkan amalan kepimpinan di sekolah supaya dapat membawa kepada pembelajaran profesional yang berkesan kepada rakan-rakan sejawat.

1.3 Penyataan Masalah

Berdasarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 anjakan keempat adalah berkaitan dengan transformasi keguruan sebagai profesion pilihan yang memfokuskan kepada pembangunan guru dan peningkatan pembelajaran guru. Melalui anjakan ini, pihak kerajaan akan meningkatkan program-program Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development*) mulai tahun 2013 yang memfokuskan kepada keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah (KPM, 2013). Justeru itu, kajian ini ingin meneroka lebih lanjut berkaitan amalan pembelajaran profesional di kolej vokasional selaras dengan unjuran Kementerian Pendidikan Malaysia untuk pembangunan guru.

Berdasarkan PPPM 2013-2025 gelombang pertama adalah berkaitan dengan prestasi dan kompetensi guru dalam meningkatkan kualiti kecemerlangan profesion keguruan. Sehubungan itu, pihak Kementerian telah menyediakan satu instrumen mengandungi kompetensi yang perlu dimiliki oleh guru sepanjang tempoh perkhidmatan (KPM, 2013). Berdasarkan instrumen penilaian guru baharu, keberkesanan pengajaran guru dinilai sebanyak 60 peratus melalui pemerhatian guru





dan pencapaian pelajar dalam bilik darjah. Ini menunjukkan amalan pemerhatian pengajaran memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru.

Rentetan itu, guru-guru akan menghadapi masalah dengan pelaksanaan kompetensi baharu seperti mana kehendak pihak Kementerian dalam PPPM 2013-2025. Hal ini kerana, guru-guru perlu mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam pelaksanaan pedagogi yang menyokong pembangunan pemikiran aras tinggi pelajar. Oleh itu, pihak Kementerian telah membangunkan portfolio program latihan yang memenuhi keperluan kompetensi instrumen baharu bagi tujuan meningkatkan pembelajaran profesional guru. Portfolio program latihan memfokuskan kepada pembelajaran berasaskan sekolah yang amat diperlukan oleh guru-guru untuk meningkatkan amalan pembelajaran profesional mereka (PPPM 2013-2025). Hal ini kerana kajian antarabangsa telah membuktikan pembelajaran profesional yang berkesan terbentuk hasil daripada program pembelajaran berasaskan sekolah (KPM, 2013). Oleh itu, penyelidik ingin meneroka lebih lanjut berkaitan amalan pembelajaran profesional di kolej vokasional khususnya di negeri Perak.

Namun, setelah berlakunya transformasi pendidikan teknik dan vokasional pada 2013, proses pembelajaran dan pengajaran pelajar di kolej vokasional turut berubah. Kolej vokasional melaksanakan sistem pentaksiran berdasarkan kompetensi standard bagi tujuan melahirkan pelajar berkemahiran tinggi dari aspek (i) menguasai kemahiran vokasional, berpengetahuan dan berkeyakinan tinggi serta diperakui, (ii) memenuhi standard keperluan industri dan (iii) diiktiraf oleh Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar Negara (MOE, 2009). Sehubungan itu, tahap kemahiran yang tinggi diperlukan oleh guru untuk melaksanakan proses pengajaran amali secara





berkesan (Jamaliah, 2014). Namun, menurut Siti Syahirah (2011) tidak semua guru kolej vokasional mempunyai pengalaman secara langsung dalam bidang kemahiran kerana guru-guru mempunyai latar belakang akademik berbeza. Rentetan itu, guru akan menghadapi masalah dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah kerana kurangnya pendedahan terhadap amalan pengajaran dan pembelajaran berasaskan kemahiran yang berkesan. Oleh itu, perhatian perlu diberikan kepada peningkatan kemahiran dan pengetahuan melalui amalan pembelajaran profesional secara berterusan di kolej vokasional.

Berdasarkan kajian oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) pada tahun 2011 menunjukkan bahawa kualiti guru menjadi faktor dalam menentukan keberhasilan pelajar di sekolah. Tambahan pula, kajian AKEPT juga mendapati hanya 12 peratus melaksanakan amalan pedagogi melalui penyampaian ilmu pada standard yang tinggi, 38 peratus pula berada dalam standard memuaskan dan 50 peratus menunjukkan bahawa penyampaian pengajaran tidak memuaskan (KPM, 2013). Hal ini kerana, pengajaran guru hanya bergantung kepada syarahan pasif dalam penyampaian kandungan mata pelajaran daripada menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar (KPM, 2013). Rentetan itu, guru perlu belajar untuk meningkatkan kemahiran pedagogi agar pengetahuan dan kemahiran baharu dapat disampaikan kepada pelajar. Dapatan daripada kajian TALIS 2013 menunjukkan kemahiran dan pengetahuan boleh ditingkatkan melalui amalan pembelajaran profesional di sekolah (KPM, 2016). Justeru, penyelidik ingin meneroka lebih lanjut berkaitan pandangan guru berdasarkan faktor jantina, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar terhadap amalan pembelajaran profesional dan kepimpinan guru di kolej vokasional.





Isu kepimpinan guru semakin mendapat perhatian berikutan cabaran dalam perubahan sistem pendidikan di Malaysia. Tugas dan peranan profesion keguruan memerlukan keupayaan kepimpinan guru yang berketerampilan dan jelas berikutan dengan perubahan dan krisis mencabar dalam pendidikan (Abd. Rahim, 2007). Oleh itu, Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 anjakan keempat telah memfokuskan peningkatan kepada laluan guru sebagai seorang pemimpin iaitu pemimpin rakan sejawat, pakar dalam bidang tertentu dan pakar dalam pengajaran menjelang tahun 2016. Justeru, kepimpinan guru di sekolah harus ditekankan dan diberi keutamaan untuk melahirkan guru yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi.

Menurut Abdullah Sani, Abd Rashid dan Abd Ghani (2011) pihak pentadbiran perlu menyedari bahawa apabila kepimpinan guru terserlah, maka sekolah dapat berfungsi dengan lebih efisien. Katzenmeyer dan Moller (2009); Wehling (2007); Spark (2003); Barth (2001) berpendapat bahawa keupayaan guru memainkan peranan penting sebagai agen perubahan di sekolah untuk melahirkan sekolah yang berkesan serta memberi peluang kepada setiap pelajar untuk memperoleh guru yang berkualiti tinggi. Ini jelas membuktikan bahawa penglibatan guru dalam kepimpinan di sekolah mempengaruhi keberkesanan sekolah. Oleh itu, kajian ini ingin meneroka lebih lanjut tahap kepimpinan guru di kolej vokasional.

Kajian kepimpinan guru sering dikaitkan dengan pencapaian pelajar di sekolah. Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan Gentilucci dan Muto, (2007); Katzenmeyer dan Moller (2009), Shariffah dan Mohammed Sani (2010), Norashikin, Ramli dan Foo Say Fooi (2015) bahawa kepimpinan guru dapat mempengaruhi





pencapaian pelajar di sekolah. Malah, terdapat juga kajian-kajian sarjana lepas yang lebih memfokuskan kepada amalan pembelajaran profesional guru dengan pencapaian pelajar. Antaranya, kajian Sharifah & Muhammad Sani (2010), Norashikin, Ramli dan Foo (2015). Malah, kajian Mahaliza (2013) pula memfokuskan kepada pembelajaran profesional dengan amalan guru. Namun, kajian berkaitan dengan pengaruh amalan pembelajaran profesional terhadap kepimpinan guru masih kurang dijalankan.

Selain itu, kajian amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru ini banyak dijalankan di luar negara. Kajian-kajian yang dijalankan oleh para sarjana luar negara seperti Poekert (2012), Frost (2012) dan Fairman dan Mackenzie (2012), Hunzicker (2012), Baecher (2012), Margolis (2012), Fairman dan Mackenzie (2015) dan Hairon (2016) telah memberi pelbagai hujah dan ideologi berkaitan dengan pembelajaran profesional dan kepimpinan guru. Namun, kajian ini masih kurang dijalankan oleh para sarjana di Malaysia terutamanya dalam skop di kolej vokasional. Malah, kebanyakan para sarjana lebih memfokuskan skop kajian mereka di sekolah menengah harian dan sekolah berprestasi tinggi seperti kajian yang dijalankan oleh Jamilah dan Yusof (2011), Mahaliza (2013) dan Norashikin, Ramli dan Foo Say Fooi (2015). Rentetan itu, penyelidik ingin meneroka hubungan amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru di kolej vokasional.

Tambahan pula, para sarjana luar negara yang telah menjalankan kajian berkaitan amalan pembelajaran profesional dan kepimpinan guru juga tidak menyatakan dengan lebih spesifik tentang elemen-elemen yang terdapat dalam pembelajaran profesional dan kepimpinan guru yang dikaji. Kajian-kajian mereka hanya dinyatakan dan dikembangkan secara umum sahaja tentang keberkesanan





pembelajaran profesional dalam menghasilkan kepemimpinan guru di sekolah. Ini dapat dibuktikan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Poekert (2012), Frost (2012) dan Fairman dan Mackenzie (2012), Hunzicker (2012), Baecher (2012), Margolis (2012) dan Fairman dan Mackenzie (2015) dan Hairon (2016). Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada amalan pembelajaran profesional yang merangkumi enam elemen iaitu pembelajaran arahan sendiri, pembangunan portfolio, latihan, kumpulan pembelajaran, pencerapan dan pentaksiran pengajaran dan *lesson study* manakala kepemimpinan guru merangkumi tujuh elemen iaitu kesedaran diri, memimpin perubahan, komunikasi, kepelbagaian, kecekapan instruksional dan kepemimpinan, penambahbaikan berterusan, pengurusan sendiri.

Di samping itu, kebanyakan kajian-kajian lepas berkaitan dengan pembelajaran profesional dan kepemimpinan guru menggunakan kaedah kajian berbentuk kualitatif melalui temu bual dan pemerhatian untuk memperoleh dapatan kajian mereka (Poekert, 2012; Frost, 2012; Fairman dan Mackenzie, 2012). Namun, masih kurang diketahui kajian amalan pembelajaran profesional dan kepemimpinan guru menggunakan kaedah kuantitatif. Rentetan itu, penyelidik menggunakan kaedah kuantitatif iaitu berdasarkan soal selidik untuk melihat pengaruh amalan pembelajaran profesional terhadap kepemimpinan guru di sekolah.



1.4 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap amalan pembelajaran profesional yang diwakili oleh pembelajaran arahan sendiri, pembangunan portfolio, latihan, kumpulan pembelajaran, pencerapan dan pentaksiran pengajaran dan *lesson study* dalam kalangan guru.
- ii. Mengenal pasti tahap kepimpinan guru yang diwakili kesedaran diri (*self-awareness*), memimpin perubahan (*leading change*), komunikasi (*communication*), kepelbagaian (*diversity*), kecekapan instruksional dan kepimpinan (*instructional proficiency and leadership*), penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*), pengurusan sendiri (*self-organization*) dalam kalangan guru.
- iii. Mengenal pasti perbezaan antara amalan pembelajaran profesional dan kepimpinan guru berdasarkan pandangan guru mengikut jantina, tahap akademik dan pengalaman guru.
- iv. Mengenal pasti hubungan antara amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru.
- v. Mengenal pasti sama ada faktor amalan pembelajaran profesional yang menjadi peramal kepada kepimpinan guru.





1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, persoalan kajian berikut dikemukakan iaitu:

- i. Apakah tahap amalan pembelajaran profesional yang diwakili oleh pembelajaran arahan sendiri, pembangunan portfolio, latihan, kumpulan pembelajaran, pencerapan dan pentaksiran pengajaran dan *lesson study* dalam kalangan guru?
- ii. Apakah tahap kepimpinan guru yang wakili oleh kesedaran diri (*self-awareness*), memimpin perubahan (*leading change*), komunikasi (*communication*), kepelbagaian (*diversity*), kecekapan instruksional dan kepimpinan (*instructional proficiency and leadership*), penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*), pengurusan sendiri (*self-organization*) dalam kalangan guru?
- iii. Adakah terdapat perbezaan antara amalan pembelajaran profesional dan kepimpinan guru berdasarkan pandangan guru mengikut jantina, tahap akademik dan pengalaman guru?
- iv. Adakah amalan pembelajaran profesional mempunyai hubungan dengan kepimpinan guru?
- v. Adakah faktor amalan pembelajaran profesional yang menjadi peramal kepada kepimpinan guru?





1.6 Hipotesis

Terdapat lapan hipotesis kajian yang telah dibina dan akan dikaji. Hipotesis-hipotesis tersebut ialah:

Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pembelajaran profesional berdasarkan pandangan guru mengikut jantina.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pembelajaran profesional berdasarkan pandangan guru mengikut tahap akademik.

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pembelajaran profesional berdasarkan pandangan guru mengikut pengalaman.

Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepimpinan guru berdasarkan pandangan guru mengikut jantina.

Ho5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepimpinan guru berdasarkan pandangan guru mengikut tahap akademik.

Ho6 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepimpinan guru berdasarkan pandangan guru mengikut pengalaman.

Ho7 : Amalan pembelajaran profesional tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepimpinan guru.





Ho8 : Faktor amalan pembelajaran profesional tidak menjadi peramal kepada kepimpinan guru secara signifikan.

1.7 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini adalah berdasarkan kerangka teori Sparks & Louck- Horsley (1989), Robert dan Pruitt (2009), dan Mahaliza (2013) bagi amalan pembelajaran profesional. Kerangka teori kepimpinan guru kajian ini berdasarkan kerangka teori Katzenmeyer dan Moller (2009).

Penyelidik mengadaptasi beberapa amalan pembelajaran profesional daripada kerangka teori Model Pembangunan Staf Sparks & Louck-Horsley (1989) yang merangkumi latihan, pencerapan dan pentaksiran dan pembelajaran arahan sendiri. Manakala amalan pembelajaran profesional yang diadaptasi dalam kerangka teori Robert dan Pruitt (2009) pula adalah pembangunan portfolio, latihan, kumpulan pembelajaran, pencerapan dan pentaksiran pengajaran dan *lesson study*. Penyelidik juga mengadaptasi kerangka teori daripada Model-model Pembelajaran Profesional oleh Mahaliza (2013) iaitu pembangunan portfolio, latihan, kumpulan pembelajaran, pencerapan dan pentaksiran dan pembelajaran arahan sendiri.

Amalan-amalan pembelajaran profesional ini merujuk kepada pembelajaran secara berterusan, mencapai matlamat pasukan, menganalisis data pelajar, membuat perubahan instruksional berdasarkan data pelajar dan membuat perjumpaan secara berkala untuk berkongsi peranan pasukan (DuFour, Eaker & Karhanek, 2004; Hord,





2004; Hord 2008; Hord & Sommers 2008). Selain itu, amalan pembelajaran profesional Sparks & Louck-Horsley (1989), Robert dan Pruitt pula (2009) dan Mahaliza (2013) merupakan satu bentuk pembelajaran guru untuk memperoleh dan mengembangkan pengetahuan serta kemahiran mereka. Malah amalan pembelajaran profesional ini juga merujuk kepada pembangunan kakitangan yang menyumbang kepada kepimpinan guru dan profesionalisme guru di sekolah (Sparks & Louck-Horsley, 1989)

Kerangka teori kepimpinan guru pula diadaptasi oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) merangkumi tujuh elemen iaitu kesedaran diri (*self-awareness*), memimpin perubahan (*leading change*), komunikasi (*communication*), kepelbagaian (*diversity*), kecekapan instruksional dan kepimpinan (*instructional proficiency and leadership*), penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*), pengurusan sendiri (*self-organization*). Kepimpinan guru dalam konteks Katzenmeyer dan Moller (2009) merujuk kepada situasi guru memimpin dalam bilik darjah, mempengaruhi orang lain ke arah peningkatan amalan pembelajaran dan menerima tanggungjawab untuk mencapai hasil kepimpinan mereka.

Kajian-kajian amalan pembelajaran profesional juga turut mendapat sokongan daripada beberapa kajian lepas seperti Bush dan Middlewood (2005), Forde, McMahon dan Reeves (2009), Nurahimah dan Rafisah (2010), Hamdan dan Mohd. Ali (2011), Mahaliza (2013), Noor Rosmawati, Abdul Razak dan Mohd Mahzan, (2017). Selain itu, terdapat juga kajian sokongan berkaitan dengan kepimpinan guru oleh para sarjana seperti Barth (2001), Katzenmeyer dan Moller (2009), Siti Aida (2011), Loh (2011), Sharfuddin (2012), Mohammad Aliakbari dan Aghdas Sadeghi





(2014), Norashikin, Ramli dan Foo (2015). Kepimpinan guru terjadi apabila berlakunya pemindahan melalui kepakaran seseorang guru kepada guru-guru lain melalui perkongsian kemahiran dan pengetahuan dalam perancangan dan pengajaran (Topolinski, 2014).

Selain itu, terdapat beberapa kajian serta ulasan kajian yang dapat menyokong hubungan antara amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru seperti Frost (2012) dan Fairman dan Mackenzie (2012), Hunzicker (2012), Baecher (2012), Margolis (2012), Poekert (2012), Fairman dan Mackenzie (2015) serta Hairon (2016). Kajian-kajian mereka telah menunjukkan terdapat hubungan di antara amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru di sekolah. Ini membuktikan hubungan antara amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru ini boleh membantu guru untuk melaksanakan sesuatu perubahan dalam kurikulum dan strategi pengajaran melalui pembelajaran (Topolinski, 2014).

Seterusnya, terdapat kajian yang dijalankan oleh Mahaliza (2013), Alade dan Odebode (2014), Masood, Ali, Jihad, Guang dan Asma (2016) menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pandangan guru mengikut tahap akademik, jantina dan pengalaman mengajar terhadap amalan pembelajaran profesional.

Selanjutnya, kajian yang dijalankan oleh Murphy (2005), Yendol-Hoppey dan Dana (2010), Poekert (2012), menunjukkan pembelajaran profesional amat diperlukan untuk menghasilkan guru sebagai seorang pemimpin. Senario ini berlaku apabila guru bekerjasama dalam tugas secara tidak langsung, guru mencerap dan mengamalkan





keimpinan berskala kecil kerana guru mempunyai kepakaran dalam bidang rakan sekerja, mempunyai hubungan kepercayaan, dan terlibat secara kolektif dalam menyelesaikan masalah tugas (Lieberman & Friedrich, 2007). Kajian Mahaliza (2013) juga telah menunjukkan model-model pembelajaran profesional menjadi peramal terhadap amalan guru di sekolah.

Tambahan pula, kajian Hunzicker (2012) juga menunjukkan bahawa pemimpin guru yang cemerlang terhasil daripada gabungan amalan pembelajaran profesional melalui '*job-embedded*' dan pengalaman bekerjasama. Malah, kajian Ottenbreit-Leftwich *et al.*, (2010) juga mendedahkan keinginan guru untuk meningkatkan amalan pembelajaran profesional dan keberkesanan pembelajaran pelajar telah memberi motivasi kepada guru untuk menggunakan teknik pengajaran



1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Penyelidik membina satu kerangka konsep kajian untuk meninjau hubungan amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru di sekolah. Selain itu, kerangka konsep kajian ini juga untuk mengkaji sama ada amalan pembelajaran profesional guru mempengaruhi kepimpinan guru di sekolah.





Pemboleh ubah bebas bagi kerangka kajian ini terdiri daripada beberapa amalan pembelajaran profesional yang diadaptasi daripada amalan pembelajaran profesional Sparks dan Louck-Horsley (1989), Robert dan Pruitt (2009), Sickle (2011) dan Mahaliza Mansor (2013). Amalan pembelajaran profesional yang dimaksudkan ialah pembelajaran arahan sendiri, pembangunan portfolio, latihan, kumpulan pembelajaran, *lesson study* dan pencerapan dan pentaksiran pengajaran.

Pemboleh ubah bersandar pula diadaptasi daripada kepimpinan guru oleh Katzenmeyer dan Moller (2009) yang merangkumi tujuh elemen iaitu kesedaran diri (*self-awareness*), memimpin perubahan (*leading change*), komunikasi (*communication*), kepelbagaian (*diversity*), kecekapan instruksional dan kepimpinan (*instructional proficiency and leadership*), penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*), pengurusan sendiri (*self-organization*). Penyelidik juga akan melihat kesemua elemen pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar berdasarkan pandangan guru mengikut demografi iaitu jantina, tahap akademik dan pengalaman. Kerangka konsep kajian ditunjukkan seperti rajah 1.1 di bawah.

Pengetahuan dan kemahiran guru merupakan aspek penting dalam aktiviti pembelajaran profesional. Malah, ia juga merupakan faktor utama dalam mempengaruhi hubungan pembelajaran profesional dengan peningkatan pembelajaran pelajar (Mahaliza, 2013). Sehubungan itu, guru seharusnya melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran profesional untuk meningkatkan dan menguasai strategi pengajaran baharu (Bredeson & Scribner, 2000; Harrison & Killion, 2007; DuFour & Marzano, 2012).






Margolis (2008), Phelps (2008) dan Reeves (2009) mengklasifikasikan kepimpinan guru merupakan guru yang menjadi pemimpin dan memperluaskan pengaruh di luar bilik darjah. Kepimpinan guru juga merupakan elemen penting dalam proses penambahbaikan sekolah dan meningkatkan pencapaian pelajar (Muijs & Harris, 2006). Kepimpinan guru berlaku apabila kepakaran seseorang guru dipindahkan kepada guru-guru lain melalui perkongsian kemahiran dan pengetahuan dalam perancangan dan pengajaran (Topolinski, 2014).

Seseorang guru memerlukan amalan pembelajaran profesional khususnya dalam memimpin rakan-rakan guru lain (Muijs & Harris, 2006; Harrison & Killion, 2007; Margolis, 2008; Shaddix, 2008). Oleh itu, hubungan amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru dapat ditunjukkan melalui kerangka konsep kajian ini. Hubungan amalan pembelajaran profesional dan kepimpinan guru dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Poekert (2012), Frost (2012) dan Fairman dan Mackenzie (2012), Hunzicker (2012), Baecher (2012), Margolis (2012) dan Fairman dan Mackenzie (2015) dan Hairon (2016). Ini membuktikan amalan pembelajaran profesional perlu diterapkan dalam kalangan guru untuk meningkatkan kepimpinan mereka di sekolah.

Tambahan pula, kajian Poekert (2012) juga menunjukkan bahawa kepimpinan guru mempunyai hubungan kuat dengan pembangunan profesional guru. Menurut Muijs dan Harris (2006), hubungan antara amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru dapat membantu guru membuat perubahan dalam kurikulum dan strategi pengajaran dan pembelajaran guru. Hal ini kerana amalan pembelajaran profesional secara berterusan dapat membangunkan kemahiran kepimpinan,



kemahiran mengajar dan amalan terbaik (Harris, 2003). Selain itu, amalan pembelajaran profesional dapat mempengaruhi bagaimana guru belajar bersama-sama rakan guru lain, melahirkan pemimpin baharu di sekolah dan memperluaskan rangkaian sokongan dan pembelajaran di sekolah (Brown, Reumann-Moore, Hugh, Christman, Riffer, Plessis & Maluk, 2007).



Rajah 1.1 Kerangka Konsep Amalan Pembelajaran Profesional dengan Kepimpinan Guru: Diadaptasi dari Sparks & Louck-Horsley (1989); Robert dan Pruitt (2009); Mahaliza (2013); Sickle (2011); Katzenmeyer dan Moller (2009); Poekert (2012).

1.9 Signifikan Kajian

Amalan pembelajaran profesional guru secara berkesan dapat membantu merealisasikan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) untuk membangunkan profesionalisme guru di sekolah (Mahaliza, 2013). Justeru itu, kajian ini juga akan membantu KPM meningkatkan kepimpinan guru di samping keberhasilan pelajar di sekolah menerusi amalan pembelajaran profesional. Diharapkan kajian ini dapat merealisasikan matlamat Dasar Pendidikan Negara serta mengenal pasti kelebihan dan kelemahan amalan pembelajaran profesional dalam menghasilkan guru yang cemerlang. Kesannya, pihak sekolah dan KPM akan mendapat pengetahuan dan maklumat baharu yang memberi kesan positif kepada pembangunan guru pada masa hadapan.

Selain itu, pembelajaran profesional secara berterusan merupakan salah satu agenda utama KPM melalui PPPM 2013-2025 untuk menghasilkan guru berkemahiran dan berpengetahuan tinggi (KPM, 2013). Ini dapat dibuktikan dengan unjuran Pelan Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPPB) yang dibangunkan oleh KPM untuk melengkapi usaha-usaha pembangunan profesionalisme guru dan pemimpin sekolah. Oleh itu, kajian ini penting dijalankan bagi memenuhi matlamat KPM untuk memartabatkan Dasar Pendidikan Negara di mata dunia. Tambahan pula, dapatan kajian ini juga akan dapat memberi maklumat kepada KPM untuk mereka bentuk strategi selanjutnya bagi menghasilkan guru yang berkepimpinan dan pembangunan guru secara berkesan. Kesannya, menjadikan Dasar Pendidikan Negara seiring dengan Dasar Pendidikan Negara maju.



Pelaksanaan amalan pembelajaran profesional menjadi satu daya tarikan yang menarik dalam perkembangan pendidikan di negara melalui pemantapan pembelajaran profesional dalam kalangan guru. Pelaksanaan amalan pembelajaran profesional dalam kajian ini diharapkan dapat membantu KPM mengenal pasti strategi-strategi pembelajaran profesional yang efektif selaras dengan negara-negara maju. Dapatan kajian ini juga akan dapat membantu KPM merealisasikan unjuran PPPM 2013-2025 anjakan keempat iaitu mentransformasikan profesion keguruan menjadi profesion pilihan dengan membudayakan kecemerlangan berdasarkan teladan rakan sejawat di sekolah. Oleh itu, ia akan membuktikan keberkesanan Pelaksanaan PPPM 2013-2025 dalam Dasar Pendidikan Negara.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat memberi maklumat yang boleh membuka minda pentadbir sekolah dan KPM untuk mengenal pasti lebih mendalam kepentingan amalan pembelajaran profesional guru dalam meningkatkan kepimpinan guru di sekolah. Maklumat yang diperoleh akan dinilai semula untuk membantu pihak sekolah dan KPM menghasilkan program pembelajaran profesional yang lebih berkesan. Selain itu, ia juga dapat membantu KPM dan pihak sekolah mengenal pasti dan merangka strategi untuk meningkatkan martabat profesion keguruan melalui kepimpinan guru di sekolah.

Di samping itu, kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan panduan kepada guru untuk mengamalkan kepelbagaian amalan pembelajaran profesional bagi meningkatkan kepimpinan dalam diri mereka. Panduan ini akan membantu guru meningkatkan pemahaman tentang amalan pembelajaran profesional guru di sekolah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan masing-masing. Ia juga akan





membantu guru untuk menilai semula kaedah pelaksanaan amalan profesional yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing. Kesannya, akan dapat melahirkan guru yang cemerlang seterusnya dijadikan sebagai *role model* kepada rakan sejawat yang lain.

Kesimpulannya, diharapkan kajian ini dapat memberi input kepada semua pihak terutama guru, pentadbir sekolah, KPM dan Dasar Pendidikan Negara dalam memartabatkan profesion keguruan seterusnya dapat melahirkan modal insan yang berakhlak mulia pada masa hadapan. Diharapkan kajian ini juga dapat memberi idea dan maklumat baharu kepada para penyelidik lain untuk terus meneroka lebih mendalam berkaitan amalan pembelajaran profesional dalam kalangan guru bagi menghasilkan guru yang cemerlang.



1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada guru-guru terlatih yang berkhidmat di kolej-kolej vokasional di negeri Perak sahaja. Justeru, kajian ini tidak melibatkan kategori sekolah lain dan zon negeri lain selain kolej vokasional di negeri Perak. Pemilihan kolej vokasional di negeri Perak adalah berdasarkan jumlah tertinggi bilangan kolej vokasional di Malaysia. Oleh itu, hasil kajian ini hanya memfokuskan kepada perbezaan pandangan dan penilaian guru kolej vokasional di negeri Perak yang terlibat dalam kajian ini sahaja. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan satu borang soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik kajian Mahaliza Mansor (2013) dan Sickle (2011) untuk amalan pembelajaran profesional manakala





kepimpinan guru diadaptasi daripada instrumen *Teacher Leadership Self-Assessment (TLSA)* oleh Katzenmeyer dan Moller (2009).

Kajian ini terhad kepada beberapa pemboleh ubah sahaja iaitu amalan pembelajaran profesional yang diadaptasi daripada Model Pembangunan Profesional oleh Sparks dan Louck-Horsley (1989), Robert dan Pruitt (2009), serta Model Pembelajaran Profesional oleh Mahaliza (2013). Antara amalan pembelajaran profesional yang terlibat ialah pembelajaran arahan sendiri, pembangunan portfolio, latihan, kumpulan pembelajaran, pencerapan dan pentaksiran pengajaran dan *lesson study*.

Selain itu, kajian ini juga terhad kepada tujuh elemen kepimpinan guru yang diadaptasi daripada Model Kepimpinan Guru oleh Katzenmeyer dan Moller (2009). Antaranya elemen kepimpinan guru tersebut ialah kesedaran diri (*self-awareness*), memimpin perubahan (*leading change*), komunikasi (*communication*), kepelbagaian (*diversity*), kecekapan instruksional dan kepimpinan (*instructional proficiency and leadership*), penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*), pengurusan sendiri (*self-organization*). Secara keseluruhannya kajian ini meneliti hubungan antara amalan pembelajaran profesional dalam meningkatkan kepimpinan guru.

Parameter di luar kawalan penyelidik adalah pemahaman guru yang berbeza-beza mengenai amalan pembelajaran profesional dan kepimpinan guru di sekolah mungkin akan mempengaruhi bagaimana mereka mentafsir soal selidik yang diberikan. Menurut Mahaliza, Norlia Mat Norwani dan Jamal @ Nordin Yunus, (2011b) bias dapat dilihat dari segi gaya pembelajaran guru yang mungkin akan





timbul akibat daripada kepelbagaian latar belakang pendidikan dan pengalaman personal.

1.11 Definisi Operasional Kajian

1.11.1 Amalan Pembelajaran Profesional

Amalan pembelajaran profesional guru merupakan alat yang digunakan untuk mengendalikan reka bentuk program pembelajaran profesional guru di sekolah (Amin Senin, 2008). Amalan pembelajaran profesional dalam kajian ini memfokuskan kepada pembelajaran arahan sendiri, pembangunan portfolio, kajian tindakan, latihan, kumpulan pembelajaran, penyelesaian masalah secara kolaboratif, pencerapan dan pentaksiran pengajaran dan *lesson study*.

1.11.2 Pembelajaran Arahan Kendiri

Menurut Sparks dan Louck-Horsley (1990) pembelajaran arahan sendiri adalah guru belajar sesuatu perkara itu sendiri, pembacaan profesional dan membuat kajian tentang pengajaran baharu tanpa mewujudkan program pembangunan guru secara formal. Guru juga menentukan matlamat pembelajaran profesional mereka sendiri dan seterusnya memilih aktiviti yang mereka percaya dapat mencapai matlamat yang ditetapkan (Sparks & Louck-Horsley, 1990; Guskey, 2000). Menurut Amin Senin (2008) amalan pembelajaran arahan sendiri merupakan amalan meningkatkan





keupayaan guru secara individu dengan menetapkan matlamat dan aktiviti guru itu sendiri. Contoh aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan adalah penulisan jurnal dan pembacaan ilmiah (Mahaliza, Norlia dan Jamal@Nordin, 2011).

Oleh itu, pembelajaran arahan sendiri dalam kajian ini adalah berkaitan dengan guru secara individu menetapkan matlamat pembelajaran profesional dan memilih serta melaksanakan aktiviti-aktiviti yang sesuai dan seiring dengan matlamat yang telah ditetapkan.

1.11.3 Pembangunan Portfolio



Menurut Roberts dan Pruitt (2009) pembangunan portfolio merupakan dokumen yang menunjukkan perkembangan profesional dan pencapaian kemahiran guru sepanjang perkhidmatan dalam kerjayanya. Pembangunan portfolio merupakan satu koleksi matlamat kerja yang didokumentasikan berkaitan peningkatan dan pertumbuhan prestasi, pencapaian serta usaha-usaha yang dilakukan oleh guru tersebut. Menurut Mahaliza, Norlia dan Jamal@Nordin (2011) portfolio merupakan alat yang berkesan untuk membuat refleksi terhadap amalan di samping boleh membantu guru menilai keputusan dan tindakan yang telah diambil.

Oleh itu, portfolio dalam kajian ini ialah satu dokumen yang mempunyai maklumat guru tentang rancangan pengajaran harian, maklumat prestasi pelajar dan sebagainya untuk membantu guru melihat perkembangan prestasi sepanjang tahun.





1.11.4 Latihan

Menurut Sparks dan Louck-Horsley (1990) latihan merujuk kepada kursus atau bengkel yang dihadiri oleh guru di mana penyampai adalah pakar dalam menetapkan kandungan dan aliran aktiviti bengkel tersebut. Menurut Guskey (2000) latihan adalah sinonim dengan pembelajaran profesional yang melibatkan pembentangan pasukan di mana berlaku proses berkongsi idea dan kepakaran melalui pelbagai aktiviti berkumpulan. Latihan merupakan inisiatif organisasi dalam memberi latihan kepada pekerja untuk meningkatkan keupayaan seseorang dalam melaksanakan tugasnya atau memainkan peranan yang telah ditetapkan oleh organisasi (Rozhan, 2002).

Latihan dalam kajian ini merupakan kaedah dan aktiviti yang dijalankan untuk meningkatkan kualiti, kemahiran dan pengetahuan guru secara berkesan.

Kebiasaannya latihan ini dilakukan dalam bentuk kursus dalam perkhidmatan, program '*mentoring*' dan '*coaching*' serta latihan semasa kerja untuk tujuan meningkatkan prestasi dan kualiti guru. Latihan merangkumi aktiviti seperti sesi pembentangan dan perbincangan berkumpulan, bengkel, seminar, konferen, demonstrasi, lakonan, simulasi dan pengajaran mikro (Guskey, 2000).

1.11.5 Kumpulan Pembelajaran

Menurut Robert dan Pruitt (2009) merupakan sekumpulan guru belajar bersama-sama berdasarkan minat, tahap pengajaran, dan bidang yang sama di mana ia juga dianggap sebagai '*job-embedded*' untuk meningkatkan profesional guru. Kumpulan





pembelajaran merupakan sekumpulan individu melaksanakan aktiviti perkongsian nilai dan refleksi untuk membuat penambahbaikan (Rasberry & Mahajan, 2008). Menurut Guskey (2000) pula, kumpulan pembelajaran melibatkan semua kakitangan sekolah bekerjasama dalam mencari alternatif penyelesaian masalah dan membuat penambahbaikan di sekolah.

Oleh itu, kumpulan pembelajaran dalam kajian ini merupakan aktiviti perkongsian dan perbincangan secara berkala tentang strategi pengajaran dan pembelajaran serta refleksi pengajaran dalam kalangan guru.

1.11.6 Pencerapan dan Pentaksiran Pengajaran



Menurut Sparks dan Louck-Horsley (1990) pencerapan merupakan aktiviti maklum balas yang diberikan oleh pentadbir kepada guru menerusi pemerhatian pengajaran untuk tujuan meningkatkan pembelajaran pelajar. Menurut Guskey (2000), pemerhatian dan pentaksiran pengajaran adalah amalan yang menggunakan pemerhatian rakan sekerja untuk memberi maklum balas mengenai prestasi mereka di mana pemerhatian dilakukan memfokuskan kepada reka bentuk pengajaran guru dalam bilik darjah, amalan pengajaran, pengurusan bilik darjah dan isu-isu lain.

Oleh itu, pemerhatian dan pentaksiran pengajaran merupakan satu aktiviti yang dilakukan untuk menilai, memerhati, memberi bimbingan, memberi maklum balas tingkah laku dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah untuk penambahbaikan kualiti pengajaran guru.





1.11.7 Lesson Study

Lesson study adalah persepsi guru terhadap keberkesanan mereka sendiri, terutamanya keupayaan mereka untuk memadankan strategi pengajaran kepada pelajar dan keyakinan pengajaran guru (Sickle, 2011). *Lesson study* merupakan amalan pembelajaran profesional guru yang bermula di Jepun yang melibatkan kumpulan kecil guru bermesyuarat atau bertemu dan berbincang secara berkala untuk melibatkan diri dalam proses bekerjasama merancang pengajaran, pelaksanaan, penilaian dan penambahbaikan (Hollingsworth & Oliver, 2005). Oleh itu, *lesson study* adalah penglibatan guru secara berkumpulan dalam perbincangan mengenai penambahbaikan proses pengajaran, membentuk strategi pengajaran yang efektif dan membuat refleksi pengajaran lepas.



1.11.8 Kepimpinan Guru

Menurut Katzenmeyer dan Moller (2009) kepimpinan guru merujuk kepada guru-guru sebagai seorang pemimpin sama ada di dalam dan luar bilik darjah, memberi sumbangan kepada komuniti, guru dan pemimpin, mempengaruhi orang lain ke arah amalan pendidikan yang lebih baik. Kepimpinan guru merupakan satu set kemahiran yang ditunjukkan oleh guru untuk mempengaruhi pelajar di luar bilik darjah (Danielson, 2006). Skop kepimpinan guru dalam kajian ini memfokuskan kepada kesedaran diri (*self-awareness*), memimpin perubahan (*leading change*), komunikasi (*communication*), kepelbagaian (*diversity*), kecekapan instruksional dan kepimpinan





(*instructional proficiency and leadership*), penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*), pengurusan sendiri (*self-organization*).

1.11.9 Kesedaran Diri (*Self-Awareness*)

Kesedaran diri merujuk kepada tiga elemen utama iaitu kekuatan, nilai, falsafah dan tingkah laku seseorang guru di sekolah (Katzenmeyer & Moller, 2009). Oleh itu, kesedaran diri dalam kajian ini adalah menggambarkan personaliti guru itu sendiri dari segi tingkah laku, kelebihan, kekurangan, nilai dan falsafah.



1.11.10 Memimpin Perubahan (*Leading Change*)

Memimpin perubahan adalah seseorang guru menggunakan strategi berkesan untuk membuat perubahan positif kepada pembelajaran pelajar (Katzenmeyer & Moller, 2009). Oleh itu, memimpin perubahan adalah individu berupaya mengendalikan perubahan positif dalam organisasi.

1.11.11 Komunikasi (*Communication*)

Komunikasi menurut Katzenmeyer dan Moller (2009) adalah menunjukkan keberkesanan mendengar, berkomunikasi secara lisan, kemahiran pembentangan dan ekspresi dalam komunikasi bertulis. Menurut Keyton (2011) pula, komunikasi





merupakan satu proses menghantar maklumat dan kefahaman bersama dari seorang individu kepada individu lain.

Oleh itu komunikasi adalah satu proses bertukar-tukar maklumat melalui perkataan, nada suara dan bahasa badan. Komunikasi dalam kajian ini adalah guru sebagai seorang pemimpin menggunakan kemahiran berkomunikasi kepada guru lain melalui pembentangan, bertulis dan lisan.

1.11.12 Kepelbagaian (*Diversity*)

Kepelbagaian adalah tingkah laku guru yang menunjukkan rasa hormat kepada orang lain dan memberi bertindak balas positif terhadap perbezaan perspektif (Katzenmeyer & Moller, 2009). Oleh itu, kepelbagaian dalam kajian ini adalah tingkah laku guru yang saling hormat menghormati satu sama lain dengan memberi tindak balas positif terhadap pendapat orang lain.

1.11.13 Kecekapan Instruksional dan Kepimpinan (*Instructional Proficiency and Leadership*)

Kecekapan instruksional dan kepimpinan merujuk kepada kemahiran dan pengetahuan profesional guru dalam menyediakan peluang pembelajaran berkesan kepada pelajar dan orang dewasa (Katzenmeyer & Moller, 2009). Oleh itu, kecekapan instruksional dan kepimpinan dalam kajian ini merujuk kepada guru menggunakan kemahiran dan pengetahuan untuk pembelajaran pelajar secara berkesan.





1.11.14 Penambahbaikan Berterusan (*Continuous Improvement*)

Penambahbaikan berterusan merujuk kepada guru memberi komitmen untuk mencapai standard dan bersedia untuk mengambil tindakan penambahbaikan (Katzenmeyer & Moller, 2009). Oleh itu, penambahbaikan berterusan adalah guru berusaha mencapai sesuatu matlamat dan membuat penambahbaikan kelemahan sedia ada.

1.11.15 Pengurusan Kendiri (*Self-organization*)

Pengurusan sendiri adalah guru menetapkan sesuatu tindakan dan melaksanakan rancangan untuk mencapai sesuatu keputusan (Katzenmeyer & Moller, 2009). Oleh itu, pengurusan sendiri adalah seseorang guru yang menetapkan sesuatu tindakan dan keputusan dalam organisasi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.11.16 Kolej Vokasional

Kolej vokasional merupakan satu sistem aliran kemahiran teknikal yang diiktiraf untuk memenuhi kehendak industri masa kini. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), kolej vokasional merupakan satu institusi yang menawarkan aliran vokasional dan latihan kemahiran menjurus kepada Sijil Vokasional Malaysia dan Diploma Vokasional Malaysia di samping latihan kemahiran menawarkan sijil kemahiran Malaysia.





Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat satu transformasi dalam bidang pendidikan teknik vokasional di mana berlaku penjenamaan semula sekolah teknik dan vokasional kepada kolej vokasional menjelang tahun 2013. Perubahan yang dilakukan bukan hanya penjenamaan semula sekolah teknik dan vokasional, malah turut melibatkan perubahan kurikulum, penilaian serta pensijilan (Jamaliah, 2014; Nurazimah & Yusri, 2013). Kolej vokasional telah menggunakan format standard kurikulum baharu yang lebih khusus tentang pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang diperoleh pelajar sepanjang tempoh persekolahan (Nurazimah & Yusri, 2013). Selain itu, sistem pembelajaran kolej vokasional juga menggunakan sistem semester seiring dengan sistem institusi pengajian tinggi di samping sistem penilaian baharu juga memfokuskan kepada penilaian berpusat, peperiksaan kolej, aktiviti fizikal, sukan penilaian psikometrik dan penilaian aktiviti kokurikulum (Nurazimah & Yusri,



1.11.17 Guru

Guru merupakan sekumpulan individu yang berperanan untuk memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada sekumpulan individu yang perlu didik dan diajar (A. Rashid, Lee, Mahayudin & Nordin, 2012). Menurut Jamaliah (2014) pula guru merupakan warga pendidik yang mempunyai ilmu dan kemahiran serta bertanggungjawab menyampaikan ilmu yang sedia ada kepada masyarakat. Oleh itu, guru merupakan insan pendidik yang berkhidmat menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran serta mendidik generasi muda menjadi insan yang berilmu dan berakhlak. Guru yang





dimaksudkan dalam kajian ini adalah guru terlatih yang dipilih secara rawak di kolej vokasional di negeri Perak.

1.12 Kesimpulan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan kepimpinan guru menerusi amalan pembelajaran profesional guru di sekolah. Kajian ini adalah berdasarkan amalan pembelajaran profesional yang diadaptasi daripada amalan pembelajaran profesional Sparks dan Louck-Horsley (1989) dan Robert dan Pruitt (2009) dan telah dibangunkan oleh Mahaliza (2013). Selain itu, kajian ini juga berdasarkan model kepimpinan guru yang diadaptasi daripada Katzenmeyer dan Moller (2009). Maklumat dan kajian-kajian literatur dari penyelidik lepas berkaitan hubungan antara amalan pembelajaran dengan kepimpinan guru akan dibincangkan dalam bab seterusnya. Oleh itu, diharapkan dapatan kajian ini akan memberi manfaat kepada guru dan KPM untuk terus membangunkan profesionalisme guru di sekolah.

